

04 DEC 1999

Sanusi-Menteri Besar

SANUSI TIDAK LAGI MENTERI BESAR KEDAH

ALOR SETAR, 4 Dis (Bernama) -- Tan Sri Sanusi Junid hari ini mengumumkan bahawa beliau tidak lagi akan menjadi Menteri Besar Kedah kerana merasakan beliau tanggungjawab terhadap prestasi buruk Barisan Nasional di Kedah pada pilihan raya umum lepas.

"Setelah melihat keputusan pilihan raya pada malam 29 Nov lepas, saya telah membuat keputusan untuk menolak sebarang tawaran menyambung lagi tugas sebagai Menteri Besar Kedah," katanya semasa membaca kenyataan tiga muka surat di kediaman peribadinya di Jalan Sultanah, di sini.

Sanusi yang ditemani dua anaknya, Azfarnurfaruki, 15, dan Akhariyamaziz, 16, serta anak saudaranya Azman Mustafa, 31, enggan menjawab sebarang soalan.

Beliau berkata bahawa sehari selepas keputusan pilihan raya diumumkan beliau telah menulis sepucuk surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan hasrat untuk tidak menyambung tugas.

"Setelah berbincang secara terperinci dengan Perdana Menteri di Langkawi pada Khamis lepas, beliau bersetuju dengan hasrat saya itu," katanya.

Sanusi berkata bahawa dalam membuat keputusan itu, beliau dan Perdana Menteri tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak luar, "sama ada secara bisikan ataupun melalui akhbar tertentu".

"Pengalaman Dr Mahathir dalam politik sejak 1946 dan pengalaman saya sejak 1963 di dalam UMNO dan 25 tahun saya menjadi wakil rakyat di parlimen dan Dewan Undangan Negeri menjadi panduan untuk saya membuat keputusan.

"Pandangan musuh politik dari parti lawan dan saingan politik dari parti sendiri, yang kebanyakannya disebabkan masalah peribadi, telah saya ketepikan," katanya.

Dalam apa yang disifatkan prestasi terburuk BN Kedah, parti itu hanya memenangi 24 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tujuh daripada 15 kerusi Parlimen.

Pelbagai pihak memberi tekanan kepada beliau agar meletak jawatan kerana mendakwa antara faktor kekalahan itu ialah Sanusi sendiri, yang didakwa tidak disenangi banyak pihak.

Sanusi berkata pelbagai tafsiran, ramalan dan tanggapan akan dibuat oleh pelbagai pihak mengenai keputusan itu.

"Ada yang sedih dan ada yang gembira. Ini semua sentimen semasa. Kebijaksanaan kami (Dr Mahathir dan Sanusi) akan ditentukan oleh masa," katanya.

Sanusi seterusnya berkata beliau membuat pengumuman itu kerana tidak mahu menyulitkan Perdana Menteri.

"Sekiranya Dr Mahathir yang membuat pengumuman, di mata sebahagian dari orang ramai ia mungkin bermakna saya ditolak oleh Perdana Menteri," katanya.

Dengan itu, katanya, malam tadi beliau telah mengadakan perjumpaan dengan semua calon BN pada pilihan raya lepas di Ibu Pejabat UMNO Kedah untuk mengumumkan keputusan itu.

"Saya telah mengumumkan kepada semua yang hadir mengenai penolakan jawatan sebagai satu tactical retreat (pengunduran taktikal)," kata Sanusi.

Bagaimanapun, katanya, calon yang hadir telah menolak keputusannya.

"Mereka meminta supaya pengumuman tidak dibuat kepada akhbar malam tadi dan memberi masa kepada mereka bertemu dengan Dr Mahathir di Langkawi pagi ini. Untuk meredakan suasana saya bersetuju.

"Itulah sebabnya saya tidak membuat pengumuman malam tadi," kata Sanusi yang dilantik Menteri Besar pada Jun 1996 menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Bercakap kepada pemberita malam tadi, beliau tidak mengesah atau menafikan sama ada beliau telah menerima surat untuk mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar.

Majlis angkat sumpah dijadual berlangsung Sabtu depan.

"Saya yakin ketua rombongan yang berjumpa dengan Perdana Menteri pagi ini sudahpun difahamkan mengenainya. Saya yakin mereka akan menerima keputusan kami.

"Dengan tindakan saya ini, saya berharap sahabat-sahabat saya di dalam parti tidak merajuk dan kecewa.

"Di sinilah letaknya dugaan sama ada kita meletakkan parti di atas diri kita sendiri. Perjuangan UMNO belum selesai," kata Sanusi.

Mengakhiri kenyataannya itu Sanusi memberikan satu falsafah:- "Jika kita sebagai pelayar tidak terdaya untuk merubah haluan angin, kita harus sanggup menyesuaikan layarnya agar matlamat, cita-cita dan tujuan tercapai".

-- BERNAMA

MZM MAI